



PELAN STRATEGIK ICT **JABATAN PERDANA MENTERI** **2017 – 2021**

KANDUNGAN

ii PERUTUSAN TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN

iii PERUTUSAN KETUA PEGAWAI MAKLUMAT

1 1.0 PENGENALAN

1 2.0 SKOP PROJEK

2 3.0 PENDEKATAN PROJEK

3 4.0 TADBIR URUS PROJEK

4 5.0 VISI, MISI DAN OBJEKTIF STRATEGIK JPM

5 6.0 VISI DAN MISI ICT JPM

6 7.0 TERAS STRATEGIK ICT

7 8.0 PENJAJARAN TERAS STRATEGIK ICT DENGAN TERAS STRATEGIK JPM

8 9.0 INISIATIF STRATEGIK ICT

9 10.0 PELAN TINDAKAN

18 11.0 PELAN PELAKSANAAN

19 12.0 FAKTOR KRITIKAL KEJAYAAN

21 PENUTUP

PELAN STRATEGIK ICT JABATAN PERDANA MENTERI 2017 – 2021

PERUTUSAN TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN

Alhamdulillah dengan izin Nya JPM telah berjaya menerbitkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat Jabatan Perdana Menteri (2017-2021). Pelan Strategik Teknologi Maklumat JPM ini merupakan pelan jangka panjang yang menggariskan hala tuju strategik perancangan ICT, strategi pembangunan dan pelaksanaan projek-projek ICT untuk tempoh lima tahun akan datang. Ia memberi penekanan kepada kecekapan, produktiviti dan inovasi ICT bagi tujuan mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Ini adalah selaras dengan usaha merealisasikan Visi dan Misi JPM dalam menjadi peneraju penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus terbaik serta memenuhi ekspektasi pelanggan menerusi tadbir urus yang cekap, tepat dan berintegriti.

Pelan Strategik Teknologi Maklumat JPM diwujudkan selari dengan hala tuju menyokong strategi-strategi yang digariskan dalam Pelan Strategik JPM. Oleh itu, bagi memastikan perancangan dapat dilaksanakan, pelan tindakan yang komprehensif perlu dirangka dengan sistematik dalam mendepani sebarang risiko dan cabaran dengan memberi penekanan kepada pengukuran prestasi dan impak. Pengurusan ICT yang baik dan efektif seterusnya akan meningkatkan produktiviti serta memberi nilai tambah kepada perkhidmatan sedia ada.

Diharapkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat ini dapat menjadi rujukan utama agensi dalam menjajarkan strategi pelaksanaan ICT sekaligus menjayakan Visi dan Misi JPM.

Akhir kata, sekalung penghargaan dan tahniah diberikan kepada semua yang terlibat dalam usaha merangka, membangun dan seterusnya menerbitkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat JPM ini.

Salam Hormat.

TAN SRI OTHMAN BIN HAJI MAHMOOD

**Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri**

PELAN STRATEGIK ICT JABATAN PERDANA MENTERI 2017 – 2021

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI MAKLUMAT (CHIEF INFORMATION OFFICER –CIO)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam 1Malaysia,

Alhamdulillah syabas dan tahniah diucapkan kerana berjaya menerbitkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat JPM. Tahun 2017 telah menyaksikan pencapaian penting dalam merangka dan seterusnya menerbitkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat bagi lima tahun 2017-2021.

Dalam menuju ke arah negara maju menjelang wawasan 2020, teknologi ICT merupakan faktor yang sangat penting dan menjadi asas kepada pembangunan masa hadapan negara. Elemen utama yang perlu diberi perhatian adalah memastikan teknologi ICT mampu meningkatkan kecekapan perancangan dan pengurusan ICT di peringkat agensi pusat serta kementerian/agensi. Seterusnya memudahkan rakyat mengakses perkhidmatan kerajaan setempat secara selamat melalui pelbagai saluran digital. Pembangunan modal insan ICT juga perlu diberi perhatian dalam meningkatkan kompetensi dan kepakaran personel ICT selaras dengan kemajuan teknologi dan bidang baharu ICT. Ini secara tidak langsung mampu menggalakkan perkongsian sumber, menjimatkan kos dan mampu meningkatkan penglibatan rakyat dalam menambahbaik perkhidmatan kerajaan.

Selaras dengan itu, perancangan yang teliti dan strategik perlu dirangka bagi setiap program yang dirancang dan akan dilaksanakan. Pelan Strategik Teknologi Maklumat JPM ini disusun untuk dijadikan panduan kepada kita semua dalam memastikan ianya selaras dengan hala tuju Pelan Strategik JPM.

Pelan Strategik Teknologi Maklumat ini hanya boleh dicapai dengan komitmen dan penglibatan semua pihak. Ia juga adalah satu mekanisme pengukuran bagi menilai tahap pelaksanaan dan impak bagi setiap aktiviti dan program yang dilaksanakan.



PELAN STRATEGIK ICT JABATAN PERDANA MENTERI 2017 – 2021

Oleh itu, diharapkan semua pihak yang terlibat dapat memainkan peranan masing-masing untuk melaksanakan pelan komprehensif ini bagi merealisasikan hasrat JPM menjadi peneraju penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus terbaik.

Terima kasih.

PN. NORMI BINTI NORDIN

PELAN STRATEGIK ICT JABATAN PERDANA MENTERI 2017 – 2021

1.0 PENGENALAN

Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe–11) 2016 – 2020 telah memberi tumpuan bagi memacu ICT dalam ekonomi berasaskan pengetahuan melalui inovasi dan produktiviti untuk meningkatkan daya saing dan penjanaaan kekayaan.

Sehubungan itu, perancangan dan penyelarasan pelaksanaan inisiatif ICT adalah amat perlu bagi memastikan inisiatif tersebut adalah selari dengan hala tuju strategik Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Seksyen Pengurusan Teknologi Maklumat (SPTM) JPM telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSICT) 2017 – 2021. PSICT ini menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan ICT untuk tempoh lima tahun akan datang. Ia memberi penekanan kepada kecekapan, produktiviti dan inovasi ICT bagi tujuan mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan kepada JPM dan agensi di bawah JPM.

Pembangunan PSICT JPM akan mengambil masa selama lima (5) bulan untuk digubal sepenuhnya bermula Januari 2017 sehingga April 2017.

2.0 SKOP PROJEK

Skop pelaksanaan projek pembangunan PSICT JPM 2017 – 2021 merangkumi empat (4) perkara utama iaitu:

- a. Keperluan ICT yang melibatkan pengguna, rangkaian dan keselamatan, peralatan ICT, sistem aplikasi dan pengurusan maklumat;
- b. Keperluan penggunaan implementasi ICT di JPM dan kolaborasi dengan jabatan/ agensi lain;
- c. Meneruskan apa yang telah dilaksanakan di dalam RMKe–10 dengan pendekatan yang bersesuaian dan belanjawan tahunan yang disediakan; dan

PELAN STRATEGIK ICT JABATAN PERDANA MENTERI 2017 – 2021

- d. Menyediakan PSICT JPM bagi tempoh lima(5) tahun bermula 2017 – 2021.

3.0

PENDEKATAN PROJEK

Pembangunan PSICT JPM 2017-2021 menggunakan metodologi Analisis, Strategi, dan Formulasi (ASF) bagi mengenalpasti keperluan bisnes agensi dan seterusnya menetapkan visi, misi dan teras strategik serta penghasilan inisiatif pelan tindakan ICT JPM bagi tempoh lima (5) tahun. Metodologi ASF melalui tiga (3) fasa utama iaitu:



Rajah 1 : Pendekatan Projek

Aktiviti utama dalam pembangunan PSICT JPM 2017-2021 adalah seperti berikut:


- a. Pengumpulan dokumen rujukan:
 - a. Dokumen *Outcome Based Budgeting* (OBB);
 - b. Pelan Strategik Teknologi Maklumat Sektor Awam 2016 – 2020;
 - c. Pelan Strategik JPM 2015 – 2020; dan
 - d. PSICT JPM 2010 - 2014.
- b. Penyediaan draf PSICT JPM 2017-2021

PELAN STRATEGIK ICT JABATAN PERDANA MENTERI 2017 – 2021

- c. Pembentangan draf PSICT JPM 2017-2021 kepada JPICT JPM
- d. Cetakan PSICT JPM 2017-2021 atau eBook

4.0 TADBIR URUS PROJEK


Satu jawatankuasa telah dibentuk untuk memastikan pembangunan PSICT JPM ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Struktur organisasi projek adalah seperti berikut:



Rajah 2 : Tadbir Urus Projek

5.0 VISI, MISI DAN OBJEKTIF STRATEGIK JPM

Adalah menjadi hasrat JPM untuk menjadi model peneraju penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus yang terbaik. Justeru itu, JPM telah mewujudkan visi, misi dan objektif organisasi yang selari dengan keperluan dan ekspektasi pelanggan bagi memastikan tadbir urus yang cekap, tepat dan berintegriti.



Rajah 3 : Visi, Misi dan Objektif JPM

•VISI DAN MISI ICT JPM

Visi dan misi *ICT* merupakan hala tuju peringkat tinggi (*high level*) bagi melaksanakan aspirasi perancangan dan pembangunan *ICT* JPM sekaligus menyokong visi dan misi JPM. JPM mensasarkan perkembangan teknologi dan kemudahan *ICT* yang lebih baik akan diberikan kepada JPM dan agensi di bawah seliaannya. Oleh itu, visi dan misi *ICT* yang baru telah dirangka berpandukan Visi dan Misi JPM serta mengambil kira fungsi-fungsi utama JPM seperti berikut :

Visi

- ICT sebagai pemacu penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus yang terbaik

Misi

- Mengoptimumkan Perkhidmatan ICT secara holistik bagi penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus yang cekap dan berkesan

Rajah 4 : Visi dan Misi ICT

7.0 TERAS STRATEGIK ICT


Selari dengan hala tuju *ICT JPM*, empat (4) teras strategik *ICT* telah dibentuk. Teras Strategik *ICT JPM* menggariskan empat (4) elemen penting iaitu sistem aplikasi, infrastruktur dan keselamatan *ICT*, tadbir urus dan pemantapan modal insan. Teras Strategik *ICT JPM* berserta objektifnya adalah seperti di jadual berikut:

Teras Strategik ICT 1 Memperkasakan sistem aplikasi dan perkongsian maklumat	OBJEKTIF Menyedia dan memperkukuhkan sistem aplikasi bagi meningkatkan penggunaan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan Meningkatkan perkongsian maklumat dengan penyediaan perkhidmatan digital yang inklusif.
Teras Strategik ICT 2 Pengukuhan infrastruktur dan keselamatan ICT	OBJEKTIF Mempertingkatkan infrastruktur ICT berdasarkan teknologi terkini Mempertingkatkan keselamatan ICT bagi meminimumkan ancaman dan risiko
Teras Strategik ICT 3 Pemantapan Tadbir Urus ICT yang holistik	OBJEKTIF Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian jabatan melalui Tadbir Urus ICT yang cekap, tepat dan berintegriti Memastikan proses kerja selaras dengan Arahan ICT Kerajaan serta perubahan ICT yang terkini
Teras Strategik ICT 4 Pemantapan Modal Insan ICT	OBJEKTIF Mempertingkatkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran ICT melalui pembelajaran yang berterusan Membangun dan memperkukuhkan keupayaan personel ICT yang lebih kompeten dan berdaya saing

Rajah 5 : Teras Strategik ICT JPM

8.0 PENJAJARAN TERAS STRATEGIK ICT DENGAN TERAS STRATEGIK JPM

Teras Strategik ICT JPM perlu diselaraskan dengan Teras Strategik JPM bagi memastikan segala perancangan strategik ICT dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang berkesan kepada pelanggan. Justeru itu, penjajaran Teras Strategik ICT JPM dengan Teras Strategik Bisnes JPM disesuaikan seperti **Rajah 5**.



Rajah 6 : Penjajaran Teras Strategik ICT JPM dengan Teras Strategik JPM

PELAN STRATEGIK ICT JABATAN PERDANA MENTERI 2017 – 2021

9.0 INISIATIF STRATEGIK ICT

Berpandukan empat (4) teras strategik *ICT*, 17 program *ICT* telah dirancang dan dikenalpasti. Program tersebut adalah perancangan pelaksanaan *ICT* peringkat strategik yang telah terhasil. Berikut adalah senarai strategik dan program:

BIL.	TERAS	STRATEGIK	BILANGAN PROGRAM
1	Memperkasakan sistem aplikasi dan perkongsian maklumat.	Pemeriksaan perkhidmatan digital	2
2	Pengukuhan infrastruktur dan keselamatan ICT	Peningkatan keupayaan infrastruktur	3
		Pengukuhan keselamatan siber	3
3	Pemantapan Tadbir Urus ICT yang holistik	Memperkasakan dan mengukuh tadbir urus ICT secara holistik	3
		Pembangunan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM)	2
4	Pemantapan Modal Insan Dan Pembudayaan ICT	Memperkasakan penggunaan ICT di kalangan warga JPM	2
		Memperkuatkan pembangunan kapasiti modal insan melalui latihan dan program untuk meningkatkan kepakaran dan kompetensi pegawai teknikal ICT	1
		Pemantapan khidmat pengurusan pengguna	1

Rajah 7 : Inisiatif Strategik ICT JPM

PELAN STRATEGIK ICT JABATAN PERDANA MENTERI 2017 – 2021

10.0

PELAN TINDAKAN

TERAS 1: MEMPERKASAKAN SISTEM APLIKASI DAN PERKONGSIAN MAKLUMAT OBJEKTIF:

1. Menyedia dan memperkukuhkan sistem aplikasi bagi meningkatkan penggunaan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.
2. Meningkatkan perkongsian maklumat dengan penyediaan perkhidmatan digital yang inklusif.

BIL.	STRATEGIK	PROGRAM	AKTIVITI/SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	PETUNJUK PRESTASI SISTEM (KPI)
S1	Pemeriksaan perkhidmatan digital	P1. Pembangunan dan penyelenggaraan sistem aplikasi berdasarkan stakeholder	1. Membangun sistem aplikasi baru yang berpotensi dan dapat dimanfaatkan melalui penggunaan strategik ICT; 2. Menambahbaik dan menaiktaraf sistem aplikasi sedia ada; 3. Mengkolodisasi dan menyeragamkan aplikasi pada satu platform yang sama; dan 4. Meningkatkan keberkesanan pengintegrasian data dari pelbagai pangkalan data ke arah perkongsian pintar.	2017 – 2021	3 aplikasi setahun

PELAN STRATEGIK ICT JABATAN PERDANA MENTERI 2017 – 2021

BIL.	STRATEGIK	PROGRAM	AKTIVITI/SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	PETUNJUK PRESTASI SISTEM (KPI)
		P2. Pemantapan perkhidmatan digital bercirikan feature rich dan mesra rakyat	1. Mengenal pasti perkhidmatan digital yang perlu ditingkatkan dan ditambah baik dengan bercirikan feature rich; 2. Meningkatkan kualiti Portal/ Laman web di bawah seliaan JPM supaya mudah dicapai, mesra pengguna, terkini dan tepat. 3. Melaksanakan penambahbaikan dan penyusunan semula Kandungan Portal/ Laman Web dan CMS yang mudah diguna pakai oleh stakeholder	2017 – 2021	1 portal setahun

PELAN STRATEGIK ICT JABATAN PERDANA MENTERI 2017 – 2021

TERAS 2: PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR DAN KESELAMATAN ICT OBJEKTIF:

1. Mempertingkatkan infrastruktur ICT berdasarkan teknologi terkini .
2. Mempertingkatkan keselamatan ICT bagi meminimumkan ancaman dan risiko.

BIL.	STRATEGIK	PROGRAM	AKTIVITI/SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	PETUNJUK PRESTASI SISTEM (KPI)
S1	Peningkatan keupayaan infrastruktur	P1. Meningkatkan perkakasan dan perisian dengan penggunaan teknologi hijau	Perolehan Peralatan ICT Pusat Data JPM	2017 – 2018	Satu (1) perolehan
			Perolehan perkakasan dan perisian	2017 – 2021	Satu (1) perolehan setahun
			Perolehan perisian pembangunan sistem	2018 – 2021	Satu (1) perolehan
		P2. Menyediakan infrastruktur bagi menyokong program	Perolehan peralatan backup dan recovery	2018	Satu (1) perolehan
			Perolehan Perisian Network Monitoring System (NMS)	2018	Satu (1) perolehan
		P3. Penyeragaman identity management yang tunggal untuk kegunaan semua sistem dalaman	Melaksanakan single sign on (SSO) bagi membolehkan akses pengguna dalaman	2017 – 2021	Satu (1) perolehan

PELAN STRATEGIK ICT JABATAN PERDANA MENTERI 2017 – 2021

BIL.	STRATEGIK	PROGRAM	AKTIVITI/SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	PETUNJUK PRESTASI SISTEM (KPI)
S2	Pengukuhan keselamatan siber	P1. Pemerkasaan perkhidmatan keselamatan siber	Membangunkan dasar dan garis panduan keselamatan siber berdasarkan Rangka Kerja Keselamatan Siber	2018 – 2020	Satu (1) dasar/ garis Panduan keselamatan siber
			Melaksanakan tadbir urus keselamatan	2017 – 2021	Satu (1) struktur tadbir urus keselamatan
			Melaksanakan pengurusan kesinambungan perkhidmatan	2017 – 2021	Satu (1) dokumen
		P2. Pemantapan persekitaran siber yang selamat	Penilaian tahap keselamatan ICT (SPA)	2018 – 2021	Dua (2) laporan
			Perolehan Perkakasan Reverse Proxy	2019	Satu (1) perolehan
		P3. Pematuhan keselamatan siber	Melaksanakan tindakan pengukuhan berdasarkan laporan MyGSOC	2017 – 2021	Satu (1) laporan setahun
			Melaksanakan pematuhan dan mendapat pensijilan	2017 – 2021	Satu (1) sijil ISMS

PELAN STRATEGIK ICT JABATAN PERDANA MENTERI 2017 – 2021

BIL.	STRATEGIK	PROGRAM	AKTIVITI/SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	PETUNJUK PRESTASI SISTEM (KPI)
			keselamatan piawai ISO/ IEC 27001 <i>Information Security Management Systems</i> (ISMS)		

PELAN STRATEGIK ICT JABATAN PERDANA MENTERI 2017 – 2021

TERAS 3: PEMANTAPAN TADBIR URUS ICT YANG HOLISTIK

OBJEKTIF:

1. Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian jabatan melalui Tadbir Urus ICT yang cekap, tepat dan berintegriti
2. Memastikan proses kerja selaras dengan Arahan ICT Kerajaan serta perubahan ICT yang terkini

BIL.	STRATEGIK	PROGRAM	AKTIVITI/SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	PETUNJUK PRESTASI SISTEM (KPI)
S1	Memperkasa dan mengukuh tadbir urus ICT secara holistik	P1. Menyusun semula struktur dan peranan jawatankuasa bagi tadbir urus ICT	Mengemaskini senarai ahli jawatankuasa bagi tadbir urus ICT	2017 – 2021	Pengemaskinian ahli jawatankuasa bagi tadbir urus ICT setiap kali ada pertukaran
		P2. Pemantauan dan pelaporan projek ICT	Melaksanakan pemantauan dan pelaporan ke atas projek ICT JPM dan Jabatan/ Agensi	2017 – 2021	Empat (4) laporan pemantauan projek ICT setahun
		P3. Bengkel pelaksanaan panduan tadbir urus ICT kepada Jabatan/ Agensi JPM	Melaksanakan bengkel tadbir urus ICT kepada Jabatan/ Agensi JPM	2017 – 2021	Satu (1) sesi bengkel tadbir urus ICT
S2	Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) JPM	P1. Kajian semula PSTM 2017 – 2021	Melaksanakan kajian semula PSTM 2017–2021 secara berkala	2019	Satu (1) dokumen kajian semula PSTM 2017 – 2021

PELAN STRATEGIK ICT JABATAN PERDANA MENTERI 2017 – 2021

BIL.	STRATEGIK	PROGRAM	AKTIVITI/SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	PETUNJUK PRESTASI SISTEM (KPI)
		P1. Pembangunan PSTM 2022 – 2026	Membangun PSTM 2022 – 2026	2021	Satu (1) dokumen PSTM 2022 – 2026 dibangunkan

PELAN STRATEGIK ICT JABATAN PERDANA MENTERI 2017 – 2021

TERAS 4: PEMANTAPAN MODAL INSAN DAN PEMBUDAYAAN ICT OBJEKTIF :

1. Mempertingkatkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran ICT melalui pembelajaran yang berterusan
2. Membangun dan memperkukuhkan keupayaan personel ICT yang lebih kompeten dan berdaya saing

BIL.	STRATEGIK	PROGRAM	AKTIVITI/SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	PETUNJUK PRESTASI SISTEM (KPI)
S1	Memperkasakan penggunaan ICT di kalangan warga JPM	P1. Pembudayaan dan kesedaran penggunaan ICT	1. Mystery Shopping/ Inspektorat ICT 1. Hebahan/ Publisiti ICT 1. Kajian Kesedaran ICT	2017 – 2021 2017 – 2021 2018, 2020	Satu (1) kali setahun 12 kali setahun Satu (1) kali setiap 2 tahun
		P2. Pembudayaan keselamatan ICT	Melaksanakan Program Kesedaran Keselamatan Siber	2017 – 2021	Satu (1) sesi setiap tahun
S2	Memperkukuhkan pembangunan kapasiti modal insan melalui latihan dan program untuk meningkatkan kepakaran dan kompetensi pegawai teknikal ICT	P1. Program Latihan Kepakaran Pegawai Teknikal ICT	Menghadiri program spesifik berkaitan keselamatan, aplikasi, rangkaian, pangkalan data, pengurusan projek, data raya, pusat data dan enterprise architecture	2017 – 2021	Tiga (3) pegawai teknikal ICT setahun


PELAN STRATEGIK ICT JABATAN PERDANA MENTERI 2017 – 2021

BIL.	STRATEGIK	PROGRAM	AKTIVITI/SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	PETUNJUK PRESTASI SISTEM (KPI)
S2	kompetensi pegawai teknikal ICT				
S3	Pemantapan khidmat pengurusan pengguna.	P1. Pemantauan perkakasan dan perisian pengguna.	Melaksanakan naziran secara berkala	2017 – 2021	Satu (1) kali setahun

PELAN STRATEGIK ICT JABATAN PERDANA MENTERI 2017 – 2021

11.0 PELAN PELAKSANAAN

Program dan aktiviti yang dirancang diperincikan melalui carta pelan seperti berikut



Rajah 8 : Pelan Pelaksanaan

12.0 FAKTOR KRITIKAL KEJAYAAN

Faktor Kritikal Kejayaan merupakan salah satu kriteria penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan PSTM di JPM. Berdasarkan kepada pelan tindakan ICT yang telah dihasilkan, terdapat beberapa faktor utama yang telah dikenal pasti sebagai penentu keberkesanan pelaksanaan setiap strategi dan program yang telah dirangka. Faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut :

FAKTOR KEJAYAAN KRITIKAL	
1. Sokongan Pengurusan Atasan	Pengurusan organisasi dan pengurusan ICT yang mantap memainkan peranan penting sebagai perancang dan penggerak ICT di JPM. Komitmen dan sokongan yang berterusan daripada pihak pengurusan atasan akan memberi impak terhadap pengurusan perubahan (change management) yang efektif.
1. Peruntukan Kewangan	Bajet atau sumber kewangan yang mencukupi merupakan asas utama bagi memastikan program yang dirancang mencapai sasaran.
1. Pengetahuan Dan Kepakaran	Keperluan personel ICT yang pakar dan mahir dalam pelbagai bidang seperti pengurusan projek, pengurusan aplikasi, pangkalan data, pembangunan infrastruktur dan keselamatan ICT serta sentiasa peka dengan teknologi terkini adalah sangat penting. Kepakaran pihak pembekal yang dilantik juga penting untuk menjayakan sesuatu projek ICT.
1. Kesesuaian Teknologi	Ketepatan pemilihan teknologi berdasarkan trend ICT semasa juga perlu diambil kira dalam merancang dan membangun aplikasi yang berimpak tinggi di samping penyediaan prasarana ICT yang bercirikan High Availability, High Reliability, Highly Secured dan High Capacity.

PELAN STRATEGIK ICT JABATAN PERDANA MENTERI 2017 – 2021

FAKTOR KEJAYAAN KRITIKAL	
	berimpak tinggi di samping penyediaan prasarana ICT yang bercirikan High Availability, High Reliability, Highly Secured dan High Capacity.
Kolaborasi Antara Bahagian	Kerjasama dan kolaborasi antara Bahagian merupakan satu elemen yang sangat penting bagi memastikan semua program dan aktiviti yang dirangka berjalan dengan lancar.

11. PENUTUP

Adalah diharapkan dokumen PSTM JPM 2017-2021 ini dapat dijadikan sebagai suatu pelan bersepadu dalam pelaksanaan atau sebarang urusan projek ICT di JPM bagi tempoh lima (5) tahun akan datang. Kriteria dari segi komitmen sama ada warga JPM, sokongan dan komitmen pihak pengurusan serta peruntukan kewangan yang mencukupi dapat membantu merealisasikan segala program yang telah dirancang dalam menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan berkesan, sejajar dengan keperluan dan kehendak pelanggan

Bersandarkan Gagasan 1Malaysia, “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”, Pelan Strategik Teknologi Maklumat JPM 2017 - 2021 ini dibangunkan bagi menggariskan tumpuan, teras dan sasaran strategik ke arah mencapai matlamat strategik JPM untuk tempoh lima tahun. Ia menyediakan rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan dalaman bagi merealisasikan matlamat strategik JPM dengan mengoptimumkan penggunaan ICT.